DearTime
TOUCHING ONE MORE LIFE

# PERUBATAN

## LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

*Informasi dibawah mengandungi ciri utama produk, fi, manfaat dan lain-lain terma penting dan syarat supaya anda dapat membuat keputusan dengan berhemah sebelum membeli pelan ini.*

**Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk mendapatkan pelan perlindungan Perubatan. Pastikan juga anda membaca Kontrak.**

| Kategori | Soalan untuk Diri Sendiri | Jawapan Kami |
|---|---|---|
| Manfaat Produk | Apakah produk ini? | Pelan perlindungan Perubatan ialah pelan bertempoh diperbaharui setiap tahun yang melindungi bil-bil perubatan anda. |
| | Apakah manfaat-manfaat nya? | Kami melindungi bil-bil perubatan anda untuk hospitalisasi dan rawatan (Notakaki A: Jadual Manfaat) tertakluk kepada deduktibel dikenakan untuk setiap kemasukan ke hospital swasta. |
| | Berapa lamakah tempoh perlindungan? | Perlindungan Perubatan bertahan selama 1 tahun. Ia nya diperbaharui setiap tahun sehingga anda mencapai umur 70 tahun. |
| Premium, Kesyukuran, Fi dan Caj. | Berapa banyak premium yang perlu saya bayar? | Premium dikira berdasarkan umur, jantina, pekerjaan dan jawapan anda dalam tinjauan perubatan. Anda hanya bayar apa yang anda perlu, oleh itu premium anda berubah mengikut peningkatan umur. Untuk mengetahui premium semasa dan premium masa depan anda, sila rujuk kepada:<br>Notakaki B: Amaun Premium<br>**Nota:** kadar premium tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak semula kadar premium dengan memberi anda 30 hari notis awal. Anda harus yakin bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi adalah jumlah yang anda mampu. |
| | Apakah Kesyukuran? | 10% daripada premium anda merupakan Kesyukuran dimana ia adalah pemberian kebajikan anda untuk menaja kumpulan pendapatan teramat rendah mendapatkan Insurans Tajaan. |
| | Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar? | Tiada fi dan caj yang perlu dibayar. |

| | | |
|---|---|---|
| Had Perlindungan | Bilakah perlindungan saya bermula? | Daripda tarikh anda membeli pelan ini, anda perlu tunggu bilangan hari yang ditetapkan sebelum perlindungan bermula:<br>1. 120 hari untuk penyakit tertentu.<br>2. 30 hari untuk semua keadaan perubatan/fizikal yang lain kecuali kecederaan akibat kemalangan.<br>**Nota:** sila rujuk pada Kontrak untuk senarai penuh pengecualian. |
| | Apakah pengecualian utama? | Pelan ini tidak melindungi caj perubatan disebabkan penyakit sedia ada, pembedahan kosmetik/pembetulan, kondisi pergigian, mabuk, penyakit kelamin, penyakit berkuarantin, kecacatan kongenital, berkaitan kehamilan/bersalin, kecederaan diri sendiri, peperangan/seakan tindakan peperangan, radiasi nuklear, derma organ, terapi alternatif, gangguan mental, sukan berbahaya, penerbangan persendirian, atau pertukaran jantina.<br>**Nota:** sila rujuk pada Kontrak untuk senarai penuh pengecualian. |
| Tuntutan | Bagaimanakah saya membuat tuntutan? | Di hospital panel, anda boleh kerlipkan kad perubatan DearTime anda untuk tuntutan. DearTime akan bayar bil hospital anda secara langsung kepada hospital panel. Anda hanya perlu membayar baki perbelanjaan yang tidak layak<br>Untuk rawatan di hospital bukan panel dan kerajaan, anda boleh muat naik salinan resit dan bukti dokumen tuntutan di aplikasi DearTime, dan kami akan membayar balik perbelanjaan yang layak. |
| Lain-lain | Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama | 1. **Kepentingan Pendedahan:** anda mesti mendedahkan semua fakta material dan maklumat yang betul. Sebarang pendedahan palsu mungkin menyebabkan tuntutan ditolak.<br>2. **Tempoh Pembatalan:** anda ada 15 hari daripada tarikh kontrak untuk membatalkan perlindungan dan mendapat bayaran balik penuh.<br>3. **Cukai Kerajaan:** premium dibayar adalah tertakluk kepada cukai semasa yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia.<br>**Nota:** sila rujuk pada Kontrak untuk senarai terma dan syarat yang penuh. |
| | Bolehkah saya batalkan perlindungan saya? | Anda boleh batalkan perlindungan anda pada bila bila masa. Sekiranya anda batalkan selepas tempoh pembatalan, perlindungan anda tamat pada tarikh seterusnya premium patut dibayar dan tiada bayaran balik premium tertunggak.<br>Perlindungan anda tamat serta merta sekiranya premium tidak dibayar semasa tempoh tangguh. |
| | Apakah patut saya buat sekiranya butiran hubungan dan peribadi saya berubah? | Adalah penting anda pastikan butiran hubungan anda dikemas kinikan dalam akaun DearTime supaya anda menerima semua notifikasi penting. |

| | | |
|---|---|---|
| | Dimanakah boleh saya mendapat maklumat lanjut? | 1. **Sembang Langsung:** di aplikasi dan laman web DearTime<br>2. **Tentang DearTime:** www.deartime.com<br>DearTime Berhad (1309554-D)<br>2-07-01, Level 7 Plaza Bukit Jalil, Jalan Persiaran Jalil 1, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.<br>Talipon: +603 8605 3511<br>Emel: help@deartime.com |
| | Adakah anda menawarkan pelan-pelan lain seperti ini? | Tiada |

**NOTA PENTING:**
**HENDAKLAH ANDA BERPUASHATI BAHAWA POLISI PERUBATAN DAN KESIHATAN YANG DIPILIH MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN BAIK DAN HUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah sah pada {current_date}.

Semua produk insurans hayat yang ditawarkan oleh DearTime mengunderaitan dan dikuatkuasakan oleh DearTime. DearTime ialah peserta yang diluluskan dalam Pendekatan Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (Sandbox) Bank Negara Malaysia untuk menjalankan ujian model perniagaan insurans hayat digitalnya. Setelah tamat tempoh ujian Sandbox, DearTime akan dikehendaki mendapatkan lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk terus menjalankan perniagaan insurans hayat digitalnya.

## NOTAKAKI A:
Jadual Manfaat

| Jadual Manfaat | |
|---|---|
| Had Tahunan Keseluruhan | 100,000 |
| **Tinggal di Hospital** | |
| Hospital Swasta: Deduktibel (sekali kemasukan) | <deduktibel> |
| Hospital Kerajaan: Anda mendapat Elaun Tunai Harian | 200 |
| Bilik & Penginapan Hospital Harian | Seperti dikenakan Caj |
| Unit Rawatan Rapi / Unit Kebergantugan Tinggi | |
| Bekalan & Perkhidmatan Dalam Hospital | |
| Bayaran Pembedahan (termasuk penjagaan selepas pembedahan dalam tempoh 90 hari daripada tarikh keluar hospital) | |
| Bayaran Pakar Bius | |
| Bilik Pembedahan | |
| Bayaran Ambulans | |
| Ujian Diagnostik Sebelum Masuk Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum masuk Hospital) | |
| Perundingan Pakar Sebelum Masuk Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum masuk Hospital) | |
| Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksima 2 kali sehari) | |
| Rawatan Selepas Keluar Hospital (dalam tempoh 90 hari daripada tarikh keluar hospital) | |
| Pemindahan Organ (sekali untuk satu keadaan Perubatan/Fizikal) | |
| Bayaran Laporan Perubatan | |
| **Tidak Tinggal di Hospital** | |
| Pembedahan Harian | Seperti dikenakan Caj |
| Rawatan Dialisis Buah Pinggang | |
| Rawatan Kanser | |
| Rawatan Kemalangan (dalam tempoh 24 jam daripada kemalangan; rawatan susulan sehingga 60 hari) | |
| Rawatan Fisioterapi (dalam tempoh 180 hari daripada keluar hospital/pembedahan) | |

Nota: Sila rujuk pada Kontrak untuk definisi lengkap jadual manfaat

**KAKINOTA B:**

< Bulanan atau Tahunan > Jumlah Premium

| Umur | Jumlah Premium , RM |
|---|---|
| | |
| | |
| | |
| | |